# Kata Nama

## Latih Tubi 1

Lengkapkan ayat di bawah dengan memilih perkataan yang paling sesuai.

1. ............... itu pernah dijadikan kubu pertahanan Inggeris sebelum dimajukan sebagai kawasan peranginan.

a. Tanah
b. Pulau
c. Hutan
d. Banglo

2. Walaupun keluarganya miskin, namun dia berjaya melanjutkan pelajarannya di ..................... tempatan.

a. universiti
b. sekolah
c. kolej
d. hotel

3. Semakin banyak bangunan pencakar langit dibina di .................... yang melambangkan kemajuan negara.

a. kawasan pedalaman
b. persisiran pantai
c. ibu kota
d. kawasan gunung

4. Masalah peningkatan ................... menganggur di negara ini akan dapat diatasi jika mereka tidak memilih pekerjaan.

a. generasi
b. kaum
c. kanak-kanak
d. graduan

5. Perlumbaan kereta di ........................ telah berjaya memperkenalkan nama negara di mata dunia.

a. Litar Antarabangsa Sepang
b. Stadium Nasional Bukit Jalil
c. Menara Kuala Lumpur
d. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

6. Pelbagai pilihan juadah sama ada selera kampung atau moden disediakan di ................... sempena bulan Ramadan.

a. Sedap Restoran
b. Restauran Sedap
c. Restoran Sedap
d. Sedap Restauran

7. Sikap pengusaha kilang yang gagal mengawal pengeluaran asap ke ................. amat diselar.

a. angin
b. laut
c. sungai
d. udara

8. Setiap pagi, Pak Nordin pergi ke .......................... untuk membeli ikan dan sayur-sayuran untuk dijual di taman perumahannya.

a. pasar borong
b. pasar pagi
c. pasar malam
d. pasar raya

9. ..................... ialah ibu negeri bagi Negeri Sembilan Darul Khusus.

a. Rembau
b. Port Dickson
c. Seremban
d. Bahau

10. Salah satu kriteria yang dinilai oleh para ................ pertandingan deklamasi sajak ialah gaya persembahan.

a. peserta
b. hakim
c. urus setia
d. penonton

## Latih Tubi 2

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A,B atau C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

1. Kesesakan lalu lintas (A) merupakan masalah (B) yang dihadapi oleh semua kota-kota (C) besar di dunia. Tiada kesalahan (D).

2. Remaja seterusnya dibimbing (A) untuk menggunakan jam (B) yang ada dengan (C) melakukan aktiviti berfaedah. Tiada kesalahan (D).

3. Pada (A) hari ini, iklan (B) tidak lagi memainkan peranan sebagai penggubal (C) maklumat yang jujur kepada orang ramai. Tiada kesalahan (D).

4. Ketiadaan kemudahan (A) asas di kawasan pendalaman (B) menyukarkan kerja-kerja menyelamatkan mangsa (C) gempa bumi. Tiada kesalahan (D).

5. Amalan berjimat cermat (A) dalam kalangan bayi (B) perlu dipupuk sejak (C) kecil. Tiada kesalahan (D).

6. Dari awal lagi, orang (A) ramai berkumpul di tempat itu untuk (B) membantah kenaikan kadar tol (C). Tiada kesalahan (D).

7. Umur kakak yang badannya bongkok itu ialah 80 tahun. Tiada kesalahan.
A B C D

8. Kawalan yang ketat dijalankan di kem tentera itu selepas berlaku rampasan pisau.
A B C
Tiada kesalahan.
D

9. Abang mengait buah durian yang masak ranum di atas pokok. Tiada kesalahan.
A B C D

10. Sempena hari lahir adik, ayah menghadiahkan sebuah sarang burung yang diperbuat daripada kayu.
A B C
Tiada kesalahan.
D